

Gaji menteri dipotong 20 peratus

BH- 6/12/2022 m/s: 2

Tindakan dilaksana kerajaan sehingga ekonomi negara kembali pulih

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Muhammad Yusri Muzamir dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan pemotongan gaji masing-masing sebanyak 20 peratus setiap bulan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dipersetujui pada mesyuarat khas pertama Kabinet Kerajaan Perpaduan yang dipengerusikannya di sini, semalam.

Anwar berkata, pemotongan gaji itu akan dilaksanakan kerajaan sehingga ekonomi negara kembali pulih.

“Jemaah Menteri bersetuju atas keprihatinan kepada rakyat untuk memotong gaji setiap bulan sebanyak 20 peratus.

“Kalau ekonomi pulih (dalam tempoh) tiga tahun, kita kaji semula lah... potong gaji ini memang tidak wajar, tetapi saya berterima kasih ke atas kesediaan mereka (Jemaah Menteri) melakukan sedikit pengorbanan.

“Ada orang kata Anwar patutlah dia tak ambil gaji Perdana Menteri kerana dia ambil gaji Menteri Kewangan, tak betul... gaji ini satu sahaja,” katanya pada sidang media di Bangunan Perdana Putra, di sini, yang turut dihadiri dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Pada 2 Disember lalu, Anwar mengumumkan barisan Kabinet yang dianggotai 28 menteri serta dua Timbalan Perdana Menteri, selain beliau sendiri memegang portfolio Menteri Kewangan.

Terdahulu, kebanyakan menteri Kabinet sudah mengimbas kad perakam waktu dan mema-



Anwar mempengerusikan mesyuarat khas pertama Kabinet Kerajaan Perpaduan di Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

Tengku Zafrul sertai misi dagang di Abu Dhabi

Putrajaya: Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abd Aziz tidak menghadiri mesyuarat khas pertama Kabinet Kerajaan Perpaduan, semalam kerana berada di Abu Dhabi bagi menghadiri misi perdagangan.

Sumber memberitahu BH, kementerian berkenaan akan membuat kenyataan rasmi mengenai perkara itu hari ini.

“Beliau (Tengku Zafrul) tidak berada di Qatar seperti didakwa, bukan untuk menonton perlawanan bola sepak Piala Dunia. Beliau ke Abu

suki pejabat masing-masing sebelum menghadiri mesyuarat berkenaan.

Anwar jawab kritikan

Mengenai kritikan pihak tertentu terhadap barisan Kabinetnya, Anwar berkata, beliau yakin dan percaya pasukan Kabinetnya bertekad memastikan mereka mematuhi peraturan ketat dan prinsip tadbir urus yang baik.

“Kami berazam, saya sudah jelaskan dan menteri pun jelas. Isu tadbir urus yang baik dan antirasuah, tiada kompromi mengenainya dan jika ia datang daripada beberapa pemimpin dan saya tahu siapa yang bercakap

tentang kleptokrasi, boleh saya ambil peluang ini untuk menjelaskan, kleptokrasi bermaksud sistem... yang membolehkan pemimpin untuk mencuri.

“Sekarang mereka yang sudah mengatakan ini, tidak seharusnya terhad kepada mana-mana orang tertentu, sistemnya dan menarik bahawa mereka yang telah menggunakan kleptokrasi ini sendiri sangat berkompromi dalam banyak urusan besar ini yang menguntungkan anak, menantu mereka.

“Perlu saya mengingatkan mereka bahawa jika anda benar-benar mahu menyelesaikannya, anda mesti bersedia untuk telus dan

Dhabi (Emiriah Arab Bersatu) atas urusan rasmi,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet di Perdana Putra di sini, tiga hari selepas senarai Jemaah Menteri diumumkan, Jumaat lalu.

Sabtu lalu, Tengku Zafrul hadir mengimbas kad perakam waktu di pejabatnya pada jam 6.07 petang, selesai mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara bersama dua Timbalan Perdana Menteri dan 24 menteri Kabinet lain.

benar-benar disiasat. Siasatan tidak boleh selektif dan itu di luar kedudukan,” katanya.

Kekalkan dasar baik

Pada sidang media itu juga, Anwar memberi jaminan dasar dirangka pentadbiran terdahulu serta Rang Undang-Undang (RUU) yang masih pada peringkat perbahasan ketika Parlimen dibubarkan akan diteruskan jika ia baik dan tidak bermasalah.

Kata Perdana Menteri, ia termasuk RUU berkaitan Dasar Generasi Penamat (GEG) yang dibawa Kementerian Kesihatan (KKM) dan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022

yang sebelum ini dibentangkan Menteri Kesihatan ketika itu, Khairy Jamaluddin.

Beliau menjelaskan, ia bertukaran kerajaan yang ada sekarang bukanlah kerajaan yang baru ditubuhkan, sebaliknya kerajaan bagi meneruskan sistem yang ada, namun akan lebih tegas dalam membuat perubahan.

“Yang baik, perjanjian baik, kontrak yang baik, tidak ada masalah, kita ikut.

“Jika jelas umpamanya tender itu berbilion-bilion (ringgit) tidak ikut perolehan atau projek yang diluluskan berbilion, ratus bilion tidak ikut tender; tidak ikut proses, tentu kita harus teliti semula.

“Ini bukan wang saya, ini wang rakyat,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, Ahmad Zahid dipertanggungjawabkan untuk pengurusan bencana banjir dijangka melanda negara, manakala Fadillah akan memfokuskan hal ehwal Sabah dan Sarawak, terutama Perjanjian MA63.

Selain itu, Ahmad Zahid dan Fadillah juga berperanan memastikan jurang ekonomi antara rakyat di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak akan dikurangkan dengan langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masalah itu.